

Musa Ahmad perlu diberi lindungan — Kata KPN

KUALA LUMPUR, Khamis — Bekas Pengerusi Parti Komunis Malaya yang diharamkan, Musa Ahmad masih dalam jagaan pihak berkuasa kerana kesnya "istimewa" dan beliau pula perlu dilindungi, kata Ketua Polis Negara, Tan Sri Haniff Omar hari ini.

Beliau menjelaskan demikian bagi pihak Timbalan Perdana Menteri Datuk Musa Hitam yang merujuk satu pertanyaan mengenai Musa Ahmad untuk dijawab oleh Tan Sri Haniff dalam satu pertemuhan dengan

para pemberita.

Datuk Musa merangkap Menteri Dalam Negeri telah ditanya bilakah pula giliran Musa Ahmad yang diseludupkan pulang ke tanahair dari Peking melalui satu operasi sulit tidak lama dulu akan dibebaskan.

Tan Sri Haniff menjawab, Musa Ahmad masih dalam jagaan dan kesnya adalah "special" kerana ia perlu dilindungi.

Pertanyaan

Datuk Musa juga merujuk kepada Tan Sri Haniff untuk menjawab pertanyaan tentang perkembangan terbaru dalam kes Siddiq Ghouse dan kegiatan KGB di negara ini.

Tan Sri Haniff menjawab: "Tidak ada yang baru yang patut dihebahkan kepada umum buat masa ini."

Siddiq Ghouse ditangkap pada 13 Julai tahun ini kerana menjadi agen KGB dan serentak dengan pengusiran tiga orang pegawai di kedutaan Soviet Union dari negara ini.

Datuk Musa telah ditanya tentang Musa Ahmad dan KGB dalam pertemuhan mengenai pembebasan 21 orang tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam negeri 1960 hari ini.

Pertemuhan dengan para pemberita itu diadakan selaras dengan kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Datuk Musa sendiri baru-baru ini mengenai cadangan Kerajaan hendak menyemak semula kedudukan orang-orang tahanan di bawah akta itu.

Menjawab satu pertanyaan lain, Datuk Musa berkata, ketika ini tinggal 568 orang lagi tahanan ISA di kem-kem tahanan.

Datuk Musa berkata mereka itu akan sentiasa diberi peluang untuk mengubah sikap.

Kerajaan akan membebaskan mereka jika mereka betul-betul insaf.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia